


Ulasan Buku / *Book Review*



Kumpulan Puisi 1001 Akal Budi Melayu
oleh Abdul Latif Haji Samian, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 2017 (Cetakan
Pertama) 182 halaman. ISBN 978–983–49–1555–1

Orang Melayu dan keturunannya adalah kelompok manusia yang awal berkerajaan sepanjang pesisir pesisir pantai seluas Nusantara. Melayu yang seringkali dinisbahkan dengan ras, etnik malah budaya yang tersendiri mempunyai susur galur sejarah, warisan dan seni serta adat resam yang gemilang dan berwarna warni. Falsafah Melayu pula adalah akal budi Melayu yang menyeluruh yang merangkumi tingkah laku, pemikiran, cita rasa, malah nilai, pengetahuan dan aspek falsafah serta kerohanian masyarakat itu sendiri. Manakala falsafah dengan puisi mempunyai suatu ikatan yang akrab kerana melalui puisi, segala gambaran pengalaman kerohanian, pemikiran dan cita rasa dari hati nurani dapat dizahirkan dan diungkapkan dalam bait bait kata pemudah bicara. Malangnya, tidak banyak pula buku buku pada zaman ini yang dapat membuka minda serta mengolah elemen sebegini. Bertitik tolak dari kesedaran inilah, buku “*Kumpulan Puisi 1001 Akal Budi Melayu*” yang ditulis oleh Abdul Latif Haji Samian diangkat untuk diulas dalam Jurnal MALIM edisi 2017 kali ini.

Buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tahun 2017 ini mengandungi 182 halaman dengan merangkumi 5 bab yang dipanggil Bahagian yang setiap satu bahagiannya mempunyai puisi puisi yang disusun oleh Prof Dr Abdul Latif Haji Samian, yang merupakan Felo Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM. Tuntasnya, buku ini membuka satu ruang baharu untuk merungkai kefahaman asas berkaitan akal budi Melayu melalui bait bait puisi seperti pantun, di samping lebih memahami falsafah kehidupan masyarakat Melayu secara amnya.

Bagi pembuka halaman, Bahagian 1 memberikan puisi puisi seputar aspek kehidupan manusia dengan alam di sekelilingnya dengan bab yang berjudul “*Bahagian I: Hubungan Manusia dengan Alam*”. Abdul Latif Samian dalam bab ini mengumpul puisi puisi berkaitan alam yang ada sekeliling manusia, dengan tema tema yang diangkat meliputi api, air, angin, kitaran dan masa. Cara persembahan yang mantap dalam bahasa puisi pantun yang baik beserta ritma bunyi yang harmoni menjadikan bab ini satu pembukaan yang cukup menarik untuk diteliti.

Seterusnya Bab 2 cuba untuk membawa pembaca akan penghayatan akal budi Melayu dalam koleksi puisi puisi berkaitan dengan benda. Dalam babnya “*Bahagian II: Hubungan Manusia dengan Benda*”, Adul Latif telah berjaya mengeluarkan intipati dan makna yang terkandung dalam perkara perkara atau benda benda yang dekat dengan masyarakat Melayu untuk dikupas dengan cukup komprehensif dalam rangkap rangkap puisi. Penekanan diberikan kepada tema tema dari Buku, Masjid, Gaji, Kereta hinggalah Sambal, Nasi Lemak dan Kicap yang semuanya diadun dengan baik dan sehati dalam bab yang lancar ini.

Bab ke 3 pula memperihalkan tajuk “*Bahagian III: Hubungan Manusia sesama Manusia*” yang mana penulis telah membawa puisi puisi yang lebih mencakupi skop yang lebih luas dan mencapah aspek kemasyarakatan sekeliling masyarakat Melayu itu sendiri. Antara tema tema yang diketengahkan meliputi Raja, Politik, Pakaian, Kerja, Perniagaan, Tetamu, Pengembaraan, Keamanan, Senyuman dan Sedekah. Bab ini disimpul kemas dengan contoh contoh puisi yang cukup komprehensif.

Bab 4 tampil memberikan pemerihalan terperinci tentang aspek keagamaan yang mendasari akal budi Melayu. Abdul Latif telah menjelaskan dengan baik dalam bab “*Bahagian IV: Hubungan Manusia dengan Tuhan*” ini berkaitan isu isu teras dalam ajaran Islam yang menjurus kepada mencari redho Allah SWT. Antara tema tema yang diketengahkan meliputi Umur, Seni, Sembahyang, Akhirat, Sakit, Gaya, Tidur dan Angan Angan.

Abdul Latif dalam Bab ke 5 buku ini yang bertajuk “*Bahagian V: Asma’ul Husna*” mengajak kita semua mengingati Allah SWT dengan menyusun serta meulis puisi puisi yang menarik lagi indah untuk difahami, apatah lagi dalam sebutan dan tulisan Nama Nama Pujian Allah SWT,

Demikianlah sebuah buku yang menyentuh suatu aspek penting memahami akal budi Melayu iaitu melalui penulisan puisi puisi yang mengupas falsafah kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri. Penerbitan buku ini membantu menyuluh sinar kesedaran dan membangkit rasa kepedulian serta meningkatkan rasa cinta jati diri keMelayuan. Jelaslah penghasilan buku “*Kumpulan Puisi 1001 Akal Budi Melayu*” yang dikarang oleh Prof Dr Abdul Latif Haji Samian ini telah berjaya mengangkat corpus ilmu falsafah Melayu dan mengikat tradisi keilmuan, sehingga menjadi pemangkin ke arah pemahaman akal budi Melayu itu sendiri dengan lebih bersepadu.

JAMSARI ALIAS

Pusat Citra Universiti,

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor

E-mail: jamsari@ukm.edu.my

MALIM – Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara – Vol 18: 51-53

Available online at <http://ejournals.ukm.my/malim>

ISSN Print: ISSN 1511-8393 and ISSN Online: E-ISSN 2289-5183

<https://doi.org/10.17576/malim-2017-1801-05>

© Pusat Citra Universiti, UKM Bangi



indexed in MyCITE.

NORAZILA MAT

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor

E-mail: norazila@ukm.edu.my